

CNS9672

UPB 06-11 00182 BC156

'hah

Mahathir, - PAS

PERDRNA MENTERI TERIMA TELEGRAM PAS BERHUBUNG DENGAN ISU BOSNIA

KUALALUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menerima telegram dari PAS berhubung dengan keadaan di Bosnia-Herzegovina, yang beliau anggap bermotif politik.

Dr Mahathir berkata bahawa dalam telegram itu, Yang Di-Pertua PAS Haji Fadil Noor menyatakan PAS pada mesyuarat 11 Okt lepas menyedari tentang penderitaan rakyat Bosnia dan mengemukakan tiga cadangan kepada kerajaan.

PAS mencadangkan kerajaan menyediakan tentera untuk dihantar ke Bosnia, menggerakkan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan/atau negara anggota mempertahankan Bosnia, katanya pada persidangan akhir selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi IJMNO di ibu pejabat parti di sini malam ini.

PAS juga menggesa kerajaan mempengaruhi OIC dan/atau negara anggota untuk memberikata dua kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Hersatu (PBB) supaya bertindak tegas menyelamatkan kemerdekaan Bosnia, jika tidak negara-negara berkenaan mengkaji kedudukan masing-masing dalam PBB.

Dr Mahathir berkata beliau hairan mengapa PAS menghantar telegram itu sebulan selepas membuat keputusan itu dan ketika UMNO mengadakan Perhimpunan Agungnya yang bermula esok. -- Lagi

▼06/11/00-26MST

CNS9673

UPB 06-11 00157 BC157

bah

M a h a t h i P A S 2 Kuala Lumpur

+Yang sedih ialah keputusan dibuat pada 11 Okt tetapi disampaikan kepada kita pada 5 Nov... dalam masa ini banyak penduduk Bosnia telah disembelih.

+Kalau PAS berasa ini peristiwa yang menyedihkan keputusan itu hendaklah disampaikan sejurus selepas dibuat... Kita tidak faham mengapa menunggu sampai sebulan, + tanya beliau.

Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO, berkata tanpa desakan PAS pun, kerajaan dan pertubuhan seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) telah pun membantu rakyat Bosnia dengan mengutip derma untuk disalurkan kepada mereka, mengumpul pakaian musim sejuk dan mengambil kanak-kanak Bosnia bagi memberikan perlindungan sementara.

Memanglah mudah bagi PAS meletakkan tanggungjawab kepada kerajaan untuk mengambil tindakan seperti menghantar tentera ke Bosnia, kata Perdana Menteri,

+Kerana kerajaan bertanggungjawablah, kita tidak boleh membuat sesuatu yang tidak bertanggung jawab seperti menghantar tentera kita yang tidak berkemampuan sedangkan negara-negara yang kuat dan negara Islam yang lain tidak menghantarnya, + kata beliau. -- Lagi

▼06/11/00-42MST

Mahathir - PAS 3 (Akhir) Kuala Lumpur

+Desakan PAS ini lebih merupakan politik dalam negeri daripada niat untuk menolong orang-orang Bosnia.+

Sambil menyifatkannya sebagai +telegram politik+, Dr Mahathir berkata beliau berasa amat sedih jika nasib buruk rakyat Bosnia itu digunakan untuk tujuan politik.

Pe-rdana Menteri berkata: +Saya terpaksa jelas ini takut-takut kalau kita tidak jelaskan ia dijadikan isu politik untuk dapat sokongan bagi PAS dalam politiknya dan bukan dalam politik Islam+.

Reliau berkata kerajaan telahpun menyatakan kesediaan menghantar tentera ke Bosnia jika diminta berbuat demikian oleh OIC atau PBB.

Beliau menyoal sama ada PAS, yang sebelum ini inenytakan mahu menghantar 3,000 anggota menyokong Iraq semasa Perang Teluk, bersedia menghantar anggotanya ke Bosnia untuk mempertahankan negara itu.

Mesyuarat itu merupakan perjumpaan biasa sebagai persiapan terakhir untuk Perhimpunan Agung. -- Bernama

▼06/11/00-56MST